

Tumbuhan dari Perspektif Antropologi

AISHAH HAJI MUHAMAD & A. AZIZ BIDIN

ABSTRAK

Makalah ini menumpukan perbincangan kepada tumbuhan dari perspektif antropologi. Tumpuannya ialah kepada tiga isu pokok: teori asal usul kegunaan tumbuhan; orientasi teoritis tradisi dalam pemilihan tumbuhan; dan pengkelasan tumbuhan. Pengetahuan tentang kegunaan tumbuhan didapati secara celek akal, pemerhatian dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Dua orientasi teoritis dalam pemilihan tumbuhan makanan dan ubatan telah dibincangkan: teori keseimbangan dan magis. Manakala dalam aspek pengkelasan tumbuhan pula, penekanan diberikan kepada penglibatan manusia dalam proses penamaan. Perbincangan banyak mengambil contoh-contoh dari beberapa komuniti Melayu di Malaysia.

ABSTRACT

This article on plants and culture from an anthropological perspective is trying to answer three main issues: the theory on the origin of plant use; the orientation of traditional theoretics in plant choosing and lastly on plant classification. Knowledge on plant use is gathered from common sense, observation and verbal information which runs through the successive generations. Two theoretical orientations in the plant choosing for the purpose of food and medicine has been discussed: the equilibrium theory and the magic theory. Meanwhile, on the classification, emphasis is given to the naming of plants. Examples used in the discussion are mainly based on information gathered from the various Malay communities in Malaysia.

PENGENALAN

Tumbuhan bukan sahaja berkaitan dengan fenomena botani tetapi juga berkaitan dengan fenomena budaya. Dalam setiap masyarakat, tumbuhan didefinisikan secara budaya. Budaya yang menentukan jenis tumbuhan dan bahagian mana dari tumbuhan tersebut yang boleh dimakan, dibuat perhiasan atau dibuat ubat; dan tumbuhan mana yang mesti digunakan untuk upacara-upacara tertentu. Tidak ada kumpulan manusia yang berani menggunakan tumbuhan yang tidak pernah digunakan oleh masyarakatnya untuk dimakan atau dibuat ubat dan

memakan tumbuhan yang dikelaskan sebagai beracun. Ini adalah disebabkan oleh kepercayaan, baik yang bersifat keagamaan, magis, atau berkaitan dengan kesihatan.

Di zaman dahulu, tumbuhan dikaitkan dengan amalan keagamaan, magis, upacara perbomohan dan perkahwinan. Ada masyarakat yang mempersembahkan tumbuhan kepada tuhan, menghiasi tempat sembahyang dan memakainya di musim perayaan selain dari menggunakannya sebagai ubat atau makanan. Orang Greek dan Romawi purba menyembah bunga dan tumbuh-tumbuhan ubatan kerana kecantikan dan khasiat tumbuhan tersebut. Di upacara perkahwinan masyarakat India, pokok pisang yang sedang berbuah diletakkan di pintu masuk ke rumah pengantin sebagai lambang kesuburan. Di upacara perkahwinan orang kristian, pengantin perempuan membawa jambangan bunga. Jambangan bunga ini melambangkan kesuburan. Motif tumbuhan juga banyak digunakan dalam ukiran pinggan mangkuk, kain dan ukiran perabut dan rumah.

Kertas kerja berkenaan dengan tumbuhan dan budaya dari perspektif antropologi ini cuba menjawab persoalan kenapa dan bagaimanakah tumbuhan dipilih untuk digunakan dengan memberi tumpuan kepada tumbuhan ubatan dan makanan. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan tentang teori asal usul kegunaan tumbuhan. Bahagian kedua memberi perhatian kepada orientasi tradisi dalam pemilihan tumbuhan. Bahagian akhir akan membicarakan tentang pengelasan tumbuhan. Tumbuhan ubatan merujuk kepada mana-mana tumbuhan di mana satu atau lebih daripada bahagiannya mengandungi bahan (substances) yang boleh digunakan untuk tujuan terapeutik atau pelopor (precursor) bagi sintesis untuk dadah-dadah yang berguna (Sofowora 1982:6).

Tumbuhan ubatan mengikut Sofowora (1982) mesti mempunyai ciri-ciri berikut:-

1. keseluruhan tumbuhan atau sebahagiannya digunakan secara langsung sebagai bahan ubatan;
2. tumbuhan yang digunakan untuk mengekstrak bahan-bahan tulin yang dapat digunakan secara langsung sebagai bahan ubatan atau sebagai sebahagian daripada sebatian ubatan;
3. makanan dan rempah yang digunakan untuk tujuan perubatan;
4. tumbuhan mikroskopik contohnya kulat actinomycetes yang digunakan untuk mendapatkan antibiotik;
5. tumbuhan yang menghasilkan serat yang digunakan untuk membuat pembalut luka semasa pembedahan, contohnya kapas, flax dan jute.

Tumbuhan ubatan mempunyai dua fungsi. Pertama mengawal diri dari gangguan penyakit. Kedua, untuk mengubati penyakit. Manakala

tumbuhan makanan pula terdiri dari mana-mana tumbuhan di mana satu atau lebih daripada bahagiannya digunakan sebagai makanan atau sebagai perasa, pewarna, dan rempah dalam makanan serta pembungkus makanan. Fungsi tumbuhan makanan ialah untuk menghilangkan lapar di samping menyihatkan tubuh dan penerusan hayat.

TEORI ASAL-USUL KEGUNAAN TUMBUHAN

Tidak diketahui secara tepat tentang bila manusia mula menggunakan tumbuhan, tetapi terdapat beberapa teori tentang bagaimana manusia dahulu kala mendapat pengetahuan berkenaan dengan kegunaan tumbuhan. Manusia dahulu kala banyak bergantung kepada alam semulajadi dalam proses kehidupan mereka. Mereka telah memilih secara teliti tumbuhan yang ada dalam persekitaran fizikal untuk dimakan dan untuk merawat atau mencegah penyakit. Pemilihan ini pada awalnya bukanlah berasaskan kepada pengetahuan saintifik tentang tumbuhan tersebut tetapi berasaskan kepada kepercayaan keagamaan, magis, celek akal, pemerhatian dan pengalaman.

Manusia di zaman dahulu sentiasa hidup dalam keadaan ketidakpastian dan ketakutan. Untuk mengurangkan keadaan ketidakpastian dan ketakutan mereka melibatkan diri dalam upacara-upacara mistik dan keagamaan (Sofowora 1982). Dipercayai bahawa pemilihan tumbuhan untuk apa tujuan sekalipun pada zaman dahulu dipengaruhi oleh kepercayaan keagamaan dan pemilihan ini serta pengambilan dan penggunaannya diikuti oleh upacara magis. Orang Melayu di Sabak, Kelantan tidak memakan tumbuhan yang dikatakan tidak mengadap kiblat. Ciri-ciri fizikal tumbuhan memberi petunjuk kepada manusia dari segi kegunaannya. Mereka juga percaya hanya masa-masa dan hari-hari tertentu sahaja yang sesuai untuk mengambil, mencari dan menggunakan tumbuhan ubatan atau makanan. Kepercayaan ini memungkinkan wujudnya pantang larang berkaitan dengan kegunaan tumbuhan.

Ada juga yang berpendapat bahawa pengetahuan tentang kegunaan tumbuhan didapati secara celek akal dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Walau bagaimanapun, pada peringkat awalnya mereka mungkin mendapat sedikit pengetahuan saintifik dengan memerhatikan kesan sesuatu tumbuhan ke atas haiwan, baik yang diperlihara atau tidak, bila haiwan tersebut memakan sesuatu tumbuhan. Mereka percaya tumbuhan yang boleh dimakan oleh haiwan juga boleh dimakan oleh manusia. Pengembara dan pemburu merupakan golongan terawal yang mengetahui tentang tumbuhan ubatan dan makanan (Sofowora 1982). Hippocrates adalah orang Greek yang telah banyak mengembara untuk mengumpulkan bahan-bahan perubatan. Hasil dari pengembarannya, beliau telah menghasilkan *materia medica*.

Manakala pemburu, semasa mereka memburu binatang buas seperti harimau, gajah dan beruang mendapati binatang yang mereka cuba bunuh tidak mati apabila ia memakan tumbuhan tertentu, maka pemburu tersebut akan mengambil ingatan bahawa tumbuhan tadi penawar kepada luka atau boleh digunakan untuk menghilangkan rasa sakit. Begitu juga dengan binatang peliharaan yang sakit. Sekiranya binatang peliharaan yang sakit ini memakan tumbuhan tertentu dan sembuh, ini menunjukkan bahawa tumbuhan tersebut boleh menyembuhkan penyakit dan boleh dimakan. Begitulah keadaan sebaliknya. Sekiranya binatang peliharaan mereka mati apabila memakan sesuatu jenis tumbuhan, ini bermakna tumbuhan tersebut adalah beracun dan akan dihindari. Pada masa sekarang pun masih terdapat bomoh, dukun atau pawang yang menggunakan binatang peliharaan untuk mencuba ramuan ubatnya yang baru terutama sekali bila mereka ingin menguji tahap keracunan sesuatu ramuan (Evans-Pritchard 1967: 121). Dalam perubatan saintifik, cara ini amat popular, dilakukan dengan menggunakan tikus, arnab dan sebagainya.

Ada juga orang yang mendapat ilmu pengetahuan tentang kegunaan sesuatu tumbuhan melalui mimpi, misalnya masyarakat Murut di Sabah (Chua Sui Sen 1991:53). Sesetengah orang pula mendakwa mereka mendapatkan pengetahuan tentang tumbuhan ubatan dan makanan melalui perhubungan mereka dengan makhluk halus (Chua Sui Sen 1991). Di Afrika (Sofowora 1982) terdapat juga bomoh yang mendakwa mendapatkan pengetahuan tentang tumbuhan dari ahli-ahli sihir. Mengikut mereka, setengah ahli sihir menjelma di khalayak ramai dalam berbagai bentuk seperti kambing, beruk, burung dan anjing. Jika sekiranya kewujudan mereka diketahui oleh seseorang, ahli sihir ini akan meminta orang yang mengetahui kewujudannya supaya jangan mendedahkan hal tersebut kepada orang ramai dengan menjanjikan untuk mengajar hal-hal yang berkaitan dengan perubatan.

ORIENTASI TEORITIS TRADISI DALAM PEMILIHAN TUMBUHAN

Terdapat berbagai orientasi teoritis tradisi tentang bagaimana tumbuhan dipilih untuk digunakan dalam pemakanan dan perubatan. Di sini hanya akan dibincangkan dua sahaja iaitu yang berkaitan dengan teori sebab musabab penyakit yang berasaskan kepada teori humoral patologi dan teori magis. Teori humoral patologi sering dikaitkan dengan teori empat unsur: tanah, air, api dan angin, di mana tiap-tiap satu saling berlawanan tetapi saling bergantung, mempengaruhi dan melengkap. Unsur ini dipercayai memiliki empat kualiti asas yang berlawanan di antara satu sama lain iaitu sejuk berlawanan dengan panas, dan kering berlawanan lembap. Api adalah panas dan kering, tanah adalah sejuk dan kering, air

adalah sejuk dan lembap, manakala angin adalah lembap dan panas. Unsur yang ada pada tanah, air, api dan angin juga dipercayai terdapat pada manusia, haiwan, objek yang bernyawa dan tidak bernyawa yang lain. Ini bermakna semua benda dalam alam ini memiliki unsur sejuk atau panas.

Unsur-unsur ini dipercayai mempunyai implikasi ke atas fungsi tubuh dan seterusnya kesihatan melalui kepercayaan bahawa keadaan keseimbangan di antara unsur-unsur sejuk dengan panas dan kering dengan lembap wujud bagi tubuh yang sihat, manakala keadaan ketidakseimbangan di antara unsur-unsur tadi wujud bagi tubuh yang sakit. Unsur-unsur sejuk atau panas dan kering atau lembap dalam tubuh dikaitkan dengan darah, lendir, hempedu kuning dan hempedu hitam. Darah dipercayai memiliki unsur panas dan lembap; lendir dipercayai memiliki unsur sejuk dan lembap; hempedu kuning dipercayai memiliki unsur sejuk dan kering; manakala hempedu hitam dipercayai memiliki unsur panas dan kering. Semasa sakit, keseimbangan di antara cecair dalam tubuh tidak wujud: tubuh menjadi terlalu sejuk atau terlalu panas, terlalu basah atau terlalu kering. Kesihatan tidak akan terganggu selagi keseimbangan di antara sejuk dan panas, kering dan lembap tidak terganggu, baik dari segi kuantiti, kualiti, kekuatan dan percampuran.

Tubuh manusia, walaupun merupakan satu sistem yang beroperasi sendiri dan boleh mengekalkan keseimbangannya, tetapi keseimbangan unsur tubuh juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti umur, jantina, cuaca, musim dan makanan yang dimakan. Kebanyakan masyarakat percaya bahawa manusia apabila memakan makanan yang betul boleh mengekalkan keharmonian unsur-unsur sejuk dengan panas dan kering dengan lembap dalam tubuh dan seterusnya mengekalkan kesihatan. Intipati bagi kesihatan yang baik ialah keharmonian dalam sistem tubuh atau keseimbangan *homeostatic*. Oleh itu makanan dan penyakit dikelaskan kepada sejuk dan panas.

Tumbuhan sebagai salah satu sumber makanan dan ubatan yang mempunyai pengaruh langsung terhadap kesihatan, juga dikelaskan kepada sejuk dan panas (Jadual 1). Pengkelasan ini tidak menggunakan suhu sebagai kriteria utama. Unsur sejuk dan panas dalam tumbuhan tidak berubah walaupun suhunya berubah. Pengkelasan ini juga merupakan kerangka bagi menentukan tumbuhan apa yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan, dalam keadaan bagaimana satu-satu tumbuhan ini boleh dimakan, apakah akibat yang timbul sekiranya peraturan pemakanan ini tidak dipatuhi, dan rawatan yang perlu digunakan apabila seseorang jatuh sakit. Tumbuhan yang dipercayai memiliki unsur panas tidak elok dimakan di waktu tengah hari dengan banyak, dimakan bersama-sama dengan makanan panas yang lain, di makan bersama-sama dengan ubat, atau bila mengidap penyakit yang dikategorikan sebagai panas. Penyakit yang diakibatkan oleh memakan

JADUAL 1. Tumbuhan sejuk dan panas serta penyakit

Nama Tumbuhan	Keadaan Sejuk/Panas	Bagi Penyakit
Gunung Berapi	Panas	Urut
Kerbau Jantan	Panas	Urut
Rempah Gunung	Panas	Urut
Elek Besi	Panas	Urut
Elek Tembaga	Panas	Urut
Tongkat Ali	Panas	Urut
Susun Ayam Hutan	Panas	Urut
Tunjang Bumi	Panas	Urut
Payung Ali	Panas	Urut
Haji Ali	Panas	Urut
Misai Ali	Panas	Urut
Hempedu Bumi/raja lada	Sejuk	
Tengkok Biawak/Sudu Senduk	Panas	Urut
Kacip Siti Fatimah	Panas	Urut
Teja	Panas	Urut
Larok Batang Hitam	Panas	Urut
Larok Batang Merah	Panas	Urut
Kateh Murai	Panas/rebus	Urut
Anak Dara Campur dengan akar p'pulut sederhana	Rebus	Urut
Serapat Pulang Dara	Sederhana	Urut
Pokok Sumber Keling	Panas	Uluran
Che Ok	Panas	Uluran
Gelenggang Daun Besar	Panas	Uluran/Kulit
Gelenggang Daun Kecil	Panas	Uluran/Kulit
Mengkudu Bulit	Sederhana/asah	
Pandan bukit	Sederhana/sejuk	Uluran/Demam
Terong kemar	Sejuk/asah dengan kemenyan	Seduan/Resdung
Belimbing	Sejuk	Darah Tinggi
Belimbing Tanah/Buluh	Sejuk	Darah Tinggi
Gajah Gila	Sederhana	Urut
Dukong Anak	Sejuk/tegak	Sakit/patah
Sepulih	Sederhana	Sakit/patah
Lidang Tiang		Lohor

makanan yang panas secara berlebihan memerlukan makanan atau rawatan yang bersifat sejuk. Begitulah juga sebaliknya. Di kalangan penduduk Macang, Kelantan buah tembikai, durian, betik, jeruk maman; tapai, baik tapai ubi kayu mahupun pulut tidak boleh dimakan dengan makanan-makanan tertentu. Tembikai tidak boleh dimakan dengan madu lebah. Gabungan ini boleh menyebabkan keracunan dan mem-


bawa maut. Mayat mereka yang mati kerana tersalah makan tembikai dan madu menjadi hancur dan tidak boleh dikapan. Tapai tidak boleh dimakan bersama-sama dengan durian dengan banyak kerana kedua-dua bahan ini dikategorikan sebagai panas. Mereka yang mendapat rawatan dari hospital atau klinik secara automatik tidak boleh makan betik, tembikai, ubi kayu, durian, jeruk maman dan tapai. Mereka tidak dapat menerangkan kenapa ubat hospital tidak boleh dimakan bersama-sama dengan bahan-bahan tersebut. Mengikut mereka, sudah ada orang mati kerana memakan panadol bersama-sama dengan tembikai. Ubat hospital dikategorikan oleh mereka sebagai panas.

Pengkelasan tumbuhan, makanan dan penyakit kepada sejuk dan panas terdapat dalam kebanyakan masyarakat. Di kalangan masyarakat Cina pengkelasan ini berkaitan dengan konsep *yin* dan *yang*; masyarakat India berkaitan dengan teori *tridosha*; manakala di kalangan masyarakat Melayu dan Mexico pula berkaitan dengan teori sejuk dan panas. Walau bagaimanapun, pengkelasan tumbuhan, makanan dan penyakit kepada sejuk dan panas ini berbeza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Masyarakat India menganggap betik tidak boleh dimakan oleh perempuan mengandug kerana dipercayai panas dan boleh menyebabkan keguguran. Manakala masyarakat Melayu menganggap betik sebagai sejuk. Matlamat utama semua masyarakat dalam menyediakan makanan dan ubatan adalah untuk mewujudkan keseimbangan.

Mengikut masyarakat India (Burghart 1990) orange, lemon dan pisang adalah sejuk dan mesti dimakan secara sederhana di musim sejuk dan dihindari sama sekali oleh mereka yang mengidap selsema. Betik dan mangga di anggap panas dan mesti dimakan secara sederhana di musim panas. Makanan masam tidak boleh dimakan oleh kaum lelaki dengan banyak kerana keasidan boleh mencairkan air mani dan melemahkan tubuh. Makanan panas seperti bawang putih, bawang merah dan cili pula boleh memanaskan darah dan mengganggu pemikiran. Makanan ini amat sesuai dimakan oleh mereka yang hendak pergi berperang atau ingin berlawan tenaga. Kaum perempuan semasa mengandug mesti menghindari makanan panas kerana takut kepanasan boleh menggugurkan *foetus* tetapi semasa dalam pantang mereka mesti memakan makanan panas seperti lada hitam dan sulah, kunyit dan halia kerana kepanasan akan menyebabkan darah-darah kotor keluar.

Orientasi teoritis tradisi yang kedua adalah berasaskan kepada prinsip magis. Magis, mengikut Frazer(1913) diasaskan kepada dua prinsip pemikiran. Pertama apa yang dipanggil dengan *law of similarity* atau undang-undang kesamaan iaitu yang serupa menghasilkan yang serupa atau kesan menyerupai sebab. Kedua *law of contact* atau *contagion* atau undang-undang kontak iaitu berkaitan dengan kepercayaan bahawa sesuatu benda yang pernah walaupun sekali dan sekejap ada kontak di antara satu sama lain akan selama-lamanya berkaitan.

Charm yang diasaskan kepada *law of similarity* dipanggil *homoeopathic* atau *imitative magic*. Manakala *Charm* yang berasaskan kepada *law of contact* atau *contagion* dipanggil *contagious magic*. Kedua-dua bentuk magis ini mengikut Frazer (1913) boleh diletakkan di bawah *sympathetic magic* kerana kedua-dua magis ini beranggapan bahawa benda boleh bertindak balas terhadap satu sama lain dari jarak jauh melalui *secret sympathy* (Rajah 1).



RAJAH 1. Cabang magis mengikut undang-undang pemikiran yang mendasarinya

Doctrine of signature dikatakan ada perkaitan dengan prinsip pemikiran yang dipanggil *law of similarity* ataupun imitatif magis. Mengikut *Doctrine of signature*, bentuk tumbuhan secara keseluruhan dan juga bentuk organ-organnya yang menyerupai organ-organ yang menyerupai organ-organ dalam tubuh dipercayai boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit yang berkaitan dengan organ tersebut. Warna cecair atau getah tumbuhan yang mempunyai persamaan warna dengan cecair dalam tubuh boleh digunakan untuk mengubati penyakit yang berkaitan dengan cecair tersebut. Untuk mengubati barah, akar serabut dari sesuatu tumbuhan diambil, satu digantung di leher si sakit dan satu lagi digantung di atas asap api. Akar serabut ini melambangkan barah. Apabila akar yang digantung atas asap api menjadi kering, dipercayai bahawa barah juga akan kering dan hilang. Kalau sekiranya mereka yang sembuh tadi tidak berterima kasih kepada bomoh yang mengubatinya atau menyakiti hati bomoh tersebut, bomoh tadi dengan senang boleh mencamparkan akar dari pokok tadi kedalam air. Apabila akar tadi diresapi air dan menjadi basah, dipercayai yang barah dalam tubuh si sakit akan muncul kembali (Frazer 1912: 84).

Mengikut *law of contact* walaupun terdapat perbezaan di antara domain fizikal, mental dan moral tetapi ketiga-tiga domain ini saling pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain. Ibu yang menyusukan bayi boleh memindahkan kualiti positif dan negatifnya kepada bayi melalui perantaraan susunya. Kalau ibu itu sakit, *simptom* penyakitnya menjadi terjelma kepada anaknya. Apa yang menarik minat dari segi

pemindahan kualiti-kualiti ini ialah domain fisikal, mental dan moral bukan jenis pengalaman yang berbeza, tetapi adalah aspek yang berbeza dari pengalaman yang sama. Kalau ibu yang menyusukan anak tadi rendah moralnya dan mendapat penyakit kelamin, beliau bukan sahaja memindahkan penyakit kelamin kepada anaknya tetapi juga perangainya. Masyarakat dianggap sebagai satu sistem moral, pengaruh domain moral, mental dan fisikal menggambarkan bahawa hubungan moral dengan sendirinya mungkin mempunyai kesan ke atas fisikal. Orang yang berkongsi masak dan makan boleh memindahkan kualiti moralnya melalui perantaraan makanan. Makanan di sini menjadi perantara bagi pencemaran. Masyarakat Hindu tidak boleh bertolak ansur dari segi peraturan makan dan menyediakan makanan. Sebagaimana kata Burghart (1990:318), "*Pious members of high caste do not accept boiled rice from lower castes, for they remain vulnerable to the inferior physical and moral qualities of the lower castes*". Ini bermakna di kalangan masyarakat Hindu terutama di kalangan kasta tinggi, setengah tumbuhan makanan dan ubatan itu sendiri tidak kotor (*impure*), tetapi ia boleh menjadi kotor apabila ia dipegang atau dimasak oleh orang yang dianggap sebagai tidak suci.


Mengikut Firth (1958) terdapat tiga elemen asas dalam amalan magis: benda yang digunakan; apa yang dilakukan; apa yang diucapkan. Elemen yang pertama diwakili oleh alat atau ubat; elemen yang kedua ialah upacara (rites); elemen ketiga ialah jampi. Di Afrika, kebanyakan alat yang digunakan dalam upacara perbomohan atau ubat adalah terdiri dari tumbuhan (Evans-Pritchard, 1976 ; Firth, 1958). Sebagaimana kata Firth (1958:126), *In many Bantu languages the word for 'medicine' is the same as or akin to the word for 'tree'*. Dalam upacara berbagih di kalangan masyarakat Melayu di Kelantan, daun pinang dan kelapa digunakan oleh bomoh untuk menghalau hantu. Elemen homoeopathic atau imitatif sangat ketara dalam kebanyakan upacara magis dan bahan ubatan. Masyarakat Azande misalnya mengatakan, *'We used such and such a plant because it is like such and such a thing'* (Evans-Pritchard 1979). Walau bagaimanapun tidak semestinya wujud persamaan di antara ubat-ubatan dengan tujuan atau di antara aksi dalam upacara dan aksi yang cuba dihasilkan. Gendang, tepung tawar atau beras kunyit yang dianggap sebagai sumber kuasa magikal di kalangan orang Melayu tidak mempunyai persamaan apa yang ingin dihasilkan. Mod memakan ubat dan menyapu tumbuhan ke tubuh adalah upacara yang tidak meniru hasil yang ingin diwujudkan. Fungsi utama upacara sebagai salah satu elemen magis ialah untuk mempertemukan magis dan objeknya. Setiap upacara magikal selalunya diikuti oleh jampi. Dalam sesetengah keadaan, tumbuhan itu sendiri tidak bermakna atau tidak mempunyai kuasa untuk menyembuhkan sesuatu penyakit tetapi yang penting adalah jampi. Dalam keadaan ini, tumbuhan hanya menjadi perantaraan. Bomoh

selalunya meminta kepada yang maha berkuasa dan dalam masyarakat Melayu Islam, nama nabi Elias selalu disebut kerana beliau adalah penjaga kepada tumbuhan ubatan. Malinowski menganggap jampi sebagai *fundamental constituent* dan dipercayai sebagai sumber kuasa magis. Keadaan ini berbeza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Di kalangan penduduk tempatan di Afrika, kuasa magis dipercayai terletak kepada ubat. Manakala masyarakat Oceanic menganggap kuasa magis berada dalam jampi dan bukan ubat (Firth 1958:127).

PENKELASAN TUMBUHAN

Dalam kebanyakan masyarakat tumbuhan dikelaskan dalam berbagai cara. Ada masyarakat yang mengelaskan tumbuhan mengikut penglibatan manusia dalam proses penanaman, kegunaan, kesan ke atas kesihatan ciri-ciri tumbuhan dan mod penggunaan. Watt dalam artikelnya yang bertajuk "Magic and witchcraft in relation to plants and folk medicine" mengelaskan tumbuhan mengikut astrologi, agama, ilmu sihir, dan kesuburan. Mengikut beliau, semua tumbuhan di alam ini berkaitan dengan salah satu daripada tujuh planet (iaitu matahari, bulan, mercury, venus, mars, saturn dan jupiter) dan planet-planet ini mempengaruhi kehidupan tumbuhan. Satu cara masyarakat Melayu di Wang Kelian dan Tioman mengelaskan tumbuhan ialah mengikut penglibatan manusia dalam proses penanaman. Mereka mengelaskan tumbuhan kepada tumbuhan yang ditanam dan tumbuhan liar (Rajah 2). Tumbuhan yang ditanam dan tumbuhan liar adalah dua kategori yang berlawanan, tetapi terdapat tindak lapis di antara kedua kategori tersebut seperti salak, terdapat salak yang ditanam dan salak hutan, petai yang ditanam dan petai hutan dan cili burung yang ditanam dan cili burung hutan. Peraturan yang mengawal samada tumbuhan liar ini boleh dimakan dan dibuat ubat atau tidak, adalah sama dengan peraturan yang digunakan untuk tumbuhan yang ditanam. Oleh itu salak, petai atau cili burung, baik yang liar atau ditanam adalah dimakan. Pokok batu pelir kambing adalah tumbuhan liar yang tidak boleh dimakan kerana ia mengandungi racun. Gadung dan biji getah, walaupun diketahui mengandungi racun tetapi dimakan oleh orang Melayu di Lebir, Manik Urai, Kelantan, kerana mereka mengetahui cara membuang racun dari kedua-dua tumbuhan tersebut. Malah di kalangan masyarakat Melayu Lebir, biji getah dianggap sebagai makanan istimewa dan disediakan semasa kenduri.

Tumbuhan liar atau tumbuhan yang ditanam itu sendiri boleh dibahagikan kepada beberapa kelompok. Antaranya ialah tumbuhan yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan. Tidak semua tumbuhan yang dikelaskan sebagai boleh dimakan ini dimakan. Kajian Lee (1968) di



RAJAH 2. Pengkelasan tumbuhan masyarakat Melayu Tioman

kalangan masyarakat Bushmen di Afrika mendapati bahawa mereka hanya menggunakan 23 spesies sayur-sayuran yang ada dalam persekitaran, walhal terdapat lebih kurang 85 spesies tumbuhan dari persekitaran mereka yang boleh dimakan. Di samping itu tidak semua masyarakat memberi nilai yang sama bagi semua tumbuhan yang boleh dimakan. Ada tumbuhan yang boleh dimakan dianggap sebagai tumbuhan super-budaya, tumbuhan semasa kebuluran dan tumbuhan upacara. Padi dianggap oleh orang Melayu sebagai tumbuhan super-budaya. Padi atau apa yang berkaitan dengan padi digunakan dalam setiap peringkat edaran hidup. Bertih, beras kunyit dan tepung tawar digunakan dalam upacara perbomohan. Nasi di kalangan orang Melayu Kelantan digunakan dalam upacara belah mulut bayi. Manakala pulut kuning pula dianggap sebagai makanan upacara dan mesti disediakan semasa kenduri kahwin.

Tumbuhan yang boleh dimakan, baik yang tumbuh liar atau ditanam boleh dibahagikan kepada dua subkategori iaitu tumbuhan makanan utama dan tumbuhan makanan sampingan. Tumbuhan makanan sampingan dianggap tidak penting oleh kebanyakan masyarakat. Di kalangan masyarakat Cina, makanan dibezakan di antara *fan* dan *cai*.

Fan merujuk kepada biji-biji, manakala *cai* merujuk kepada sayur-sayuran dan daging. Di antara *fan* dan *cai*, *fan* dianggap sebagai paling mustahak dan tidak boleh ditukar ganti. Tanpa *fan*, apa yang dimakan tidak mengenyangkan dan tidak dianggap makan. Ketiadaan *cai* cuma menyebabkan makanan menjadi kurang perisa. Keadaan yang sama juga terdapat di kalangan orang Melayu. Nasi dianggap sebagai makanan yang sempurna. Mereka tidak menganggap makan kalau tidak makan nasi. Mee atau nasi goreng dianggap oleh penduduk Melayu Wang Kelian sebagai tumbul (snack). Mereka memberi nilai yang tinggi kepada padi dan padi dianggap sebagai sumber makanan utama. Padi dipercayai memiliki semangat. Semangat padi boleh lari kalau tidak dijaga dengan cermat. Oleh itu setiap peringkat yang terlibat dalam aktiviti menanam dan memproses padi di adakan upacara dan terdapat pantang larang tertentu yang mesti dipatuhi. Bila menyimpan dan mengambil padi dari tempat menyimpan padi tidak dibenarkan bercakap dan mesti meminta kebenaran dari semangat padi. Bila semangat padi merajuk dan lari, hasil padi di musim hadapan tidak akan menjadi. Pokok padi dianggap sebagai nadi dan nyawa oleh mereka. Mereka percayai padi, beras atau nasi tidak boleh dibazirkan. Perbuatan ini akan menyebabkan rezeki mereka menjadi kurang. Begitu juga dengan kaum Cina. Kanak-kanak Cina diberitahu bahawa mereka yang membazirkan *fan* akan mendapat pasangan yang mempunyai muka yang berbintik-bintik (Burghart 1990).

Tumbuhan makanan sampingan dari jenis sayuran dan buah-buahan tidak dianggap penting. Penduduk Wang Kelian hanya menggunakan tumbuhan sayuran sebagai lauk bila lauk dari jenis protein tidak ada. Mereka tidak menganggap sayur-sayuran sumber makanan yang penting. Begitu juga dengan buah-buahan yang dianggap sebagai tumbul sahaja. Di samping itu, mereka tidak memberi nilai yang sama bagi semua tumbuhan sayuran dan buahan. Masyarakat Melayu memberi nilai yang tinggi kepada buah-buahan dan sayuran yang diimport. Penduduk Wang Kelian menganggap pucuk dan ubi kayu, serta tumbuhan sayuran yang tumbuh (Lampiran 2) sebagai makanan semasa kebuluran atau makanan bagi orang miskin. Oleh itu ia tidak dianggap penting dan diberi keutamaan. Di Asia Tenggara sahaja terdapat lebih dari 300 spesies tumbuhan sayuran. Dari jumlah ini, 60 spesies (26%) adalah terdiri dari tumbuhan liar di hutan 95 spesies (30%) terdiri dari jenis rumput, 20 spesies (6%) tumbuhan liar yang kadangkala ditanam di kawasan kediaman dan 120 spesies (38%) adalah tumbuhan yang selalu ditanam (Soepadmo, 1983).

Tumbuhan sayuran baik yang tumbuh liar atau ditanam di kalangan orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu tumbuhan yang boleh dimakan mentah sebagai ulam dan tumbuhan yang perlu dimasak terlebih dahulu sebelum dimakan. Menurut Kamilah Noor (1986), di Semenanjung Malaysia terdapat 60 spesies tumbuhan dari 31 famili yang bahagian tertentu dari tumbuhan tersebut dimakan sebagai

ulam. Ulam ialah bahagian tumbuhan yang dimakan mentah atau dimakan setelah dicelur terlebih dahulu. Bahagian tumbuhan yang boleh digunakan sebagai sayur bergantung kepada jenis tumbuhan. Pokok nangka, buahnya sahaja yang dibuat sayur, manakala pokok kangkung pula, daun dan batang boleh dibuat sayur. Antara bahagian tumbuhan yang selalu digunakan sebagai sayur ialah pucuk, daun, ubi, batang, buah, bunga atau keseluruhannya.

Manakala masyarakat Hindu, terutama mereka dari kasta yang tinggi percaya bahawa tubuh manusia adalah terdiri dari *anna* (biji-bijian). Istilah *anna* adalah meliputi gandum, sekoi, dan barli tetapi yang paling mustahak ialah beras. Padi dianggap sebagai sumber kehidupan. Mengikut Cantlie (dalam Burghart 1990:310), masyarakat Assam di India menganggap nasi sebagai makanan yang paling mustahak,

Anna is our life(pran). Life is called life depending on anna. As we sometimes say anna is god(Brahma), so we think anna is our life. Boiled rice is our life.

Makanan lain hanya dimakan untuk membolehkan mereka makan lebih banyak *anna*. Perasa, mengikut mereka juga penting walaupun tidak sepenting *anna* kerana perasa boleh mempengaruhi keseimbangan unsur-unsur dalam tubuh. Terdapat 6 perasa asas di kalangan masyarakat Hindu iaitu manis, masam, masin, pedas, pahit dan *astringen* (Burghart, 1990). Setiap perasa ini berbeza dari segi unsur sejuk atau panas, kering atau lembab, ringan atau berat dan kesannya ke atas tubuh. Setiap perasa mempunyai pengaruh yang tersendiri ke atas proses penghadzaman. Manis meningkatkan dharu (darah, daging, lemak, tulang sumsum dan air mani); asid memulakan penghadzaman di samping membuang angin dan kahak; pedas meningkatkan api penghadzaman; kepahitan meningkatkan selera dan menolong penghadzaman bagi makanan yang tidak hadzman; manakala *astringen* mengekalkan keharmonian (Burghart 1990). Tumbuhan perasa dalam kebanyakan masyarakat adalah terdiri dari serai, kunyit, cili, kantan, kemangi, halia, bawang merah, bawang putih, lengkuas, limau nipis, limau purut, kandis, tebu, gelugur, asam jawa, kelapa dan pandan. Tumbuhan perasa ini banyak digunakan dalam masakan lauk, kecuali beberapa jenis sahaja yang juga digunakan dalam masakan kuih muih.

Tumbuhan baik yang tumbuh liar atau ditanam dalam kebanyakan masyarakat, tidak kira samaada ia tumbuhan sayuran, buahan atau ubatan dikelaskan mengikut hubungan dengan kesihatan dan penyakit. Tumbuhan dikelaskan mengikut unsur-unsur sejuk dan panas, yang dipercayai dimiliki oleh tumbuhan tersebut kerana penyakit juga dalam kebanyakan masyarakat dikelaskan kepada sejuk dan panas (lihat Jadual 1). Masyarakat Cina, percaya bahawa semua tumbuhan makanan mempunyai nilai perubatan dan berupaya untuk mewujudkan keseimbangan

tubuh. Oleh itu mereka mengelaskan tumbuhan kepada sejuk, panas dan neutral. Pengkelasan ini bergantung kepada rasa, kesan fisikal ke atas tubuh dan cara penyediaan. Tumbuhan makanan yang dikelaskan sebagai sejuk oleh masyarakat Cina di Singapura adalah terdiri dari nenas, kelapa, tembikai, tebu dan limau. Di kalangan orang Melayu tumbuhan yang dikategorikan sebagai sejuk (Laderman 1983; Mander-son 1981) terdiri dari tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri seperti berair (misalnya mentimun, tembikai, nenas dan limau); berlendir(kacang, bendi, keladi, pucuk paku); bergetah (bacang, mangga muda, nangka cempedak, jantung pisang); menjalar (kangkong, labu, kacang panjang); berwarna kemerahan (bayam, jambu air, lemiding, mengkudu, putat, terung); kekuningan (nangka, cempedak, bunga labu, labu, nenas, mangga); tumbuh dekat dengan air atau dalam air (bereming, pucuk paku, keladi, agas, keladi) dan mempunyai rasa kelat. Darjah kesejukan sesuatu tumbuhan bergantung kepada jumlah ciri-ciri yang dimiliki oleh tumbuhan tersebut. Tumbuhan yang memiliki lebih dari satu dari ciri-ciri di atas dianggap lebih sejuk dari tumbuhan yang mempunyai hanya satu ciri. Tumbuhan yang dikelaskan sebagai panas terdiri dari tumbuhan yang mengandungi kandungan lemak atau minyak yang tinggi (seperti durian); mempunyai rasa pedas (cili, halia, pegaga, kunyit) atau pahit (peria); rempah (ketumbar, cengkih) dan yang banyak mengandungi protein. Pengkelasan tumbuhan kepada sejuk dan panas hanya diberi perhatian oleh orang Melayu apabila seseorang itu sakit. Mereka yang sihat tidak begitu memberi perhatian kepada pengkelasan ini bila makan.

Tumbuhan juga dikelaskan mengikut kepercayaan magis. Magis boleh dikelaskan mengikut matlamat praktikal (Firth 1958) iaitu produktif, perlindungan (protective), ketegasan (assertive), kreatif (Creative), destruktif, dan agresif (aggressive). Masyarakat Azande, (Evans-Pritchard 1976: 176-177), telah menyenaraikan situasi yang berkaitan dengan kegunaan ubatan bagi semua tujuan magis seperti berikut :

1. Ubatan yang berkaitan dengan kuasa-kuasa alam (natural forces) seperti meminta hujan atau mencegah hujan;
2. Ubatan yang berkaitan dengan budaya membajak. Tujuannya ialah untuk memastikan kesuburan pokok dan mengeluarkan hasil yang banyak;
3. Ubatan yang berkaitan dengan memburu, memancing, dan mengumpul hasil-hasil alam;
4. Ubatan yang berkaitan dengan kesenian dan pertukangan;
5. Ubatan yang berkaitan dengan kuasa-kuasa mistik iaitu yang digunakan untuk menghindari diri dari gangguan ahli sihir, hantu dan penunggu;
6. Ubatan yang berkaitan dengan aktiviti sosial, misalnya tumbuhan yang digunakan untuk menarik pengikut, kekuatan sex, kejayaan dalam

perhubungan cinta, perniagaan, mendapatkan isteri, kesihatan dan keselamatan, nampak muda, panjang umur, menghitamkan rambut, menghindari keguguran dan kesuburan;

7. Ubatan yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit.

Pemilihan tumbuhan untuk tujuan perlindungan, ketegasan dan kreatif adalah dikawal oleh prinsip *law of similarity*, tetapi bagi tujuan agresif dan destruktif, pemilihan dibuat berasaskan *law of contact* tumbuhan bagi tujuan perlindungan mempunyai fungsi untuk mengawal diri orang yang meminta, keluarga serta hartanya dari anasir jahat. Akar dari tumbuhan yang digali di tempat di mana ular, gajah atau harimau bertembung dengan manusia tanpa mengganggu mereka amat mudzarat untuk tujuan ini kerana binatang tersebut adalah agresif dan ia telah tidak mengapa-apakan manusia dan melarikan diri dari manusia. Akar dari tempat tersebut dipercayai juga akan ditakuti oleh unsur-unsur jahat. Tumbuhan yang digunakan untuk menjauhkan pencuri adalah akar dari pokok yang tumbuh di atas kubur orang mati yang buta, kerana akar ini dipercayai boleh mengaburi mata pencuri dari melihat harta benda orang yang ingin dicuri.

Untuk tujuan perlindungan juga, tumbuhan digunakan dalam bentuk tangkal. Tangkal ini dipakai untuk mengelakkan diri dari terkena penyakit terutama sekali penyakit-penyakit yang berkaitan dengan buatan orang dan hantu syaitan. Tangkal selalunya dijampi oleh bomoh. Dalam masyarakat Melayu di Wang Kelian dan Tioman, tangkal dibuat dari umbisi dan akar kayu seperti kunyit, bolai dan halia, Kunyit dipercayai memiliki kekuatan dan kekuasaan kerana warnanya kuning. Kuning di kalangan orang Melayu dianggap sebagai warna kebesaran. Bonglai dan halia dikaitkan dengan bau. Bau bonglai dikatakan boleh menjauhkan hantu. Cili kering dibakar bersama-sama dengan bawang merah dan garam untuk menghalau hantu. Hantu dipercayai tidak tahan dengan bau bahan-bahan tersebut.

Tumbuhan juga digunakan untuk tujuan ketegasan. Ketegasan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu umum, pengasih dan kejayaan baik dalam pekerjaan atau urusan lain. Tumbuhan untuk tujuan ini digunakan dalam bentuk tangkal atau azimat. Serpihan dari kayu yang berwarna kemerahan dikatakan melambangkan darah yang datang dari hati boleh digunakan untuk ubat pengasih. Manakala bunga atau kulit buah yang mempunyai bulu yang kehijauan dan melekat-lekat dan boleh memerangkap serangga, secara simbolik boleh digunakan untuk memerangkap perasaan cinta dan kasih sayang seseorang. Tumbuhan yang tumbuh sepasang-sepasang dikatakan sebagai sesuai untuk tujuan pengasih. Bagi tujuan untuk mencapai kejayaan baik dalam apa bidang sekalipun, tumbuhan yang hidup subur dengan bergantung kepada lain dikatakan amat sesuai digunakan untuk dijadikan tangkal untuk dipakai.

Tumbuhan yang digunakan untuk mengetahui kejujuran suami, isteri atau kekasih, adalah terdiri dari akar yang lurus dari jenis tumbuhan yang tidak digemari oleh serangga digunakan dengan memotong tiga bahagian sama panjang dan ketiga-tiga bahagian ini diletakkan bersebelahan di antara satu sama lain. Setiap bahagian diberi nama suami, isteri dan nama orang yang disyaki. Sekiranya akar tadi saling melekat setelah kering, perasaan curiga tadi dianggap benar (Frazer 1913). Atur cara yang sama juga digunakan untuk memastikan sama ada seseorang itu sesuai atau tidak untuk hidup bersama, berniaga bersama atau tinggal bersama. Akar dari tumbuhan yang tidak digemari oleh serangga juga digunakan untuk ubat pembenci.

Ada juga tumbuhan yang digunakan untuk tujuan kesuburan. Tumbuhan yang digunakan untuk ini secara asasnya bertujuan untuk mempengaruhi darah kaum wanita supaya kehamilan boleh berlaku. Kepentingan kesuburan dapat diperhatikan dalam semua masyarakat di mana didapati terdapat banyak pokok-pokok digunakan sebagai *aphrodisiacs*. Ciri-ciri pokok yang digunakan untuk tujuan ini selalunya berkaitan dengan ciri-ciri fizikal pokok tersebut seperti senang hidup, mempunyai dahan dan daun yang rimbun, besar dan juga berkaitan dengan nama. Untuk kekuatan di kalangan orang Melayu, baik kekuatan fizikal mahupun kekuatan seksual, mereka banyak menggunakan pokok yang mempunyai nama Ali bagi kaum lelaki. Nama Ali ini sebenarnya mengikut seorang bomoh di Tioman dikaitkan dengan Saidina Ali. Saidina Ali dikatakan sebagai seorang yang kuat di zaman nabi Muhammad sehingga ada pepatah "Gagah Ali gagah Musa". Terdapat banyak pokok yang bernama Ali dalam masyarakat Melayu seperti Tongkat Ali, misai Ali, janggut Ali, payung Ali, pedang Ali dan Saidina Ali (Jadual 2). Pokok yang berkaitan dengan kesuburan dan kejaguan dalam hubungan seksual di kalangan kaum wanita pula memiliki nama-nama yang berkaitan dengan nama Fatimah, kecantikan, kesucian dan perhiasan seperti jarum emas, dukung anak, kacip Fatimah, rumput Fatimah dan pokok seputih. Fatimah adalah anak nabi yang dikatakan mempunyai ciri-ciri kebaikan baik dari segi perbuatan mahupun paras rupa.

Tumbuhan yang digunakan untuk tujuan kejahatan (*destructive*) pula selalunya memiliki ciri-ciri seperti berduri, batang yang bercangkuk, mempunyai bau atau rasa yang busuk, beracun atau difikirkan beracun dan mempunyai nama yang tidak elok seperti celaka yang digunakan oleh orang Melayu untuk menggugurkan anak atau menghindari diri dari mendapatkan anak. Tumbuhan yang digunakan untuk tujuan kejahatan ini di masa yang sama boleh digunakan untuk tujuan kebaikan, misalnya menyembuhkan penyakit yang berkaitan dengan perbuatan sihir. Tumbuhan yang digunakan untuk memikat adalah terdiri dari tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri senang melekat atau pokok itu sendiri teramat cantik. Di kalangan orang Melayu, pokok

JADUAL 2. Tumbuhan ubatan: cara mengguna dan kegunaannya

Bil.	Nama Tempatan	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
1.	Limau Purut	<i>Citrus hystrix</i>	Menghilangkan kelemur dan mencantikan rambut.	Perahan air limau disapukan ke bahagian rambut sebelum mandi. <i>Nota:</i> Limau purut ini biasanya dicium baunya untuk menghilangkan loya dan pening-pening.
2.	Kayu nibung	<i>Onncosperma tigillaria</i>	Menawar bisa akibat disengat binatang berbisa di laut.	Batang kayu diketuk dan air yang keluar darinya di disapukan ke bahagian yang disengat.
3.	Ati-ati	<i>Coleus</i> sp.	Demam sejuk	Daunnya ditumbuk, dicampur sedikit air dan airnya diminum.
4.	Pokok gerak	<i>Caesalpinia crista</i> Linn.	Demam sejuk	Buahnya ditumbuk, dicampur sedikit air dan airnya di minum. <i>Nota:</i> Digunakan dalam amalan ilmu hitam.
5.	Sireh	<i>Piper betle</i> Linn.	Sakit perut	Daunnya ditumbuk hingga hancur dan ditampalkan pada tempat yang sakit. <i>Nota:</i> Dipetik dengan cara tertentu.
6.	Sungkai	<i>Perenema canescens</i> Jack, Ridley	Demam malaria	Pucuknya ditumbuk dan dicampur garam, abu dapur dan sedikit air. Air disaring dan diminum.
7.	Serai	<i>Cymbopogon citratus</i>	Senggugut	Daun ditumbuk dan dicampur garam, lada hitam, halia bara dan direbus. Air rebusan diminum. <i>Nota:</i> Serai boleh juga dijadikan minyak angin. Dipercayai minyak serai wangi sering digunakan di dalam amalan ilmu pengasih.

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempatan	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
8.	Senduduk	<i>Melastoma malabathricum</i> Linn.	Jamu selepas bersalin	Pucuknya direbus dan airnya diminum. <i>Nota:</i> 2 jenis senduduk a) Senduduk berbunga ungu b) Senduduk berbunga putih. Yang biasa digunakan adalah senduduk putih.
9.	Gelenggang	<i>Cassia alata</i> Linn.	Sembelit	Daunnya direbus dan airnya diminum. <i>Nota:</i> Daun yang digunakan adalah daun muda dan boleh dimakan.
10.	Puding gajah	<i>Zingiber zerumbet</i> Smith	Sakit ulu hati	Buahnya ditumbuk dan dicampur lada hitam dan garam. Campuran ini direbus dan airnya diminum.
11.	Kaduk	<i>Pipetr sarmentosum</i> Roxb	Senggugut	Daunya ditumbuk dicampur garam, lada hitam dan halia bara. Campuran direbus dan air diminum. <i>Nota:</i> Rupanya seakan-akan pokok sireh. Juga boleh digunakan sebagai ulam.
12.	Kemunting cina	<i>Lochnera rosea</i>	Ubat batuk dan pening kepala	Air dari perahan daunnya diminum.
13.	Lada pahit	<i>Bucea amarissima</i> Desv.	Demam kepialu	Akarnya direbus dan airnya diminum.
14.	Belimbing buluh	<i>Avverhoa bilimbi</i> Linn	Darah tinggi	Buahnya dibasuh dan dimakan. <i>Nota:</i> Juga digunakan untuk pembasuh tangan sebelum makan.
15.	Sekati lima	<i>Agonosma marginata</i> G. Don	Jamu selepas bersalin	Akarnya direbus dan airnya diminum.

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempatan	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
16.	Kayu sepang	<i>Caesalpinia sappon</i> Linn.	Penyembuh bengkak- bengkak.	Batang kayu digosok ke batu dan dicampur sedikit air, airnya di sapu ke tem- pat yang bengkak. <i>Nota:</i> Air rebusan kayu ini boleh diminum dan warna- nya seperti sirap. Bila dibakar baunya seperti bau mayat.
17.	Manggis	<i>Garcinia mangostana</i>	Jamu selepas bersalin	Kulit buahnya dikeringkan dan air rebusan dari kulit- nya setelah disaring diminum.
18.	Penawar bisa		Penawar kepada sengatan binatang berbisa seperti ular dan lipan.	Getah daripada batangnya disapu yang terkena sen- gatan.
19.	Tambang besi	<i>Callicarpa longifolia</i>	Luka-luka Sakit perut	Daunnya di tumbuk dan ditampal pada tempat yang terkena sengatan. Daunnya ditumbuk dan dicampur air lalu diminum. <i>Nota:</i> Juga dikenali sebagai pokok kapal terbang.
20.	Tapak leman	<i>Elephantopus scaber</i>	Jamu selepas bersalin	Daun dan akarnya di- keringkan. Bila hendak di- guna ia direbus dan airnya diminum.
21.	Cengkih	<i>Eugenia aromatica</i> Kuntze.	Jamu selepas bersalin	Bunga cengkih yang telah dikeringkan direbus dan airnya diminum.
22.	Kelapa	<i>Cocos nucifera</i> Linn.	Panas badan	Airnya diminum. <i>Nota:</i> Biasanya air kelapa muda lebih dikenali.
23.	Jambu batu	<i>Psidium guajava</i>	Sakit perut	Daun/pucuknya dan airnya diminum.
24.	Kelapa	<i>Cocos nucifera</i>	Panas badan	Airnya diminum. <i>Nota:</i> Biasanya air kelapa muda lebih disukai.

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempatan	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
25.	Jambu gajus	<i>Anacardium occidentale</i> Linn.	Jamu lepas bersalin	Daun/pucuknya direbus dan airnya diminum.
26.	Akar pelir	—	Jamu selepas bersalin	Akarnya direbus dan airnya diminum.
27.	Durian belanda	<i>Anona muricata</i>	Sakit kepala	Daunnya direbus dan air-minum. <i>Nota:</i> Daunnya boleh diguna untuk memulih orang yang kerasukan.
28.	Batang keluru	<i>Erutamia</i> sp.	Penawar segala penyakit	Potong akarnya dan ambil air dari akar-nya, direbus dan airnya diminum.
29.	Pokok siputih	—	Penawar segala penyakit	Daunnya dikeringkan, direbus dan airnya diminum.
30.	Pegaga	<i>Hydrocotyle asiatica</i> Linn.	Jamu selepas bersalin	Seluruh bahagian termasuk akar direbus dan airnya diminum. <i>Nota:</i> Juga diguna sebagai ulam.
31.	Delima	<i>Punica granatum</i> Linn.	Jamu selepas bersalin dan untuk sakit perut	Daun direbus dan airnya di minum. <i>Nota:</i> Boleh dibuat sebagai teh untuk mengubati sakit perut.
32.	Pandan	<i>Pandanus odoratus</i>	Jamu selepas bersalin	Daun direbus dan airnya diminum.
33.	Mengkudup	—	Jamu selepas bersalin	Daunnya direbus dan airnya diminum.
34.	Limau nipis	<i>Citrus aurantifolia</i> Linn.	Bisa-bisa laut Sakit keputihan Senak perut	Cuci tempat yang kena bisa dengan air limau. Pucuk dan daun direbus dan airnya diminum 3 hari lepas bersalin. Pucuknya ditumbuk, dicampur kapur lalu disapu pada perut.

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempat	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
				<i>Nota:</i> Biasanya disertai dengan jampi serapah. Limau juga diguna untuk memandikan keris pusaka.
35.	Semalu	<i>Mimosa pudica.</i>	Diguna selepas bersalin	Keseluruhan pokok di rebus (termasuk akar) lalu airnya diminum.
36.	Kayu sembang	<i>Vernonia javanica</i> Del.	Menghilangkan rasa loya dan muntah-muntah	Daunnya ditumbuk, dicampur air dan kemudian airnya diminum.
37.	Bunga raya	<i>Hibiscus rosa-sinensis</i> Linn.	Menyembuhkan sakit kepala dan pencuci rambut	Daun bunga raya ini direbus dengan air dan dilumur di kepala.
38.	Mengkudu	<i>Morinda elliptica</i> Ridley	Jamu lepas bersalin. Kencing manis	Daun direbus dan diminum. Pucuk muda dicelur sebagai ulam dan buah yang muda direbus dan dimakan.
39.	Tongkat Ali	<i>Eurycoma longifolia</i>	Membaiki aliran dan sebagai awet muda	Akarnya dijemur hingga kering. Kemudian direbus dan airnya diminum. Kesemua tumbuhan ini dicampur bersama sebagai satu ramuan. <i>Nota:</i> Ramuan ini banyak diguna oleh kaum lelaki untuk menguatkan tenaga batin.
40.	Misai Ali	<i>Schizaea dichotoma</i>	sama	sama
41.	Janggut Ali	<i>Panicum sarmentosum</i> Roxb.	sama	sama
42.	Payung Ali	<i>Matonia pectinata</i>	sama	sama
43.	Pedang Ali	—	sama	sama

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempatan	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
44.	Bawang merah	<i>Allium cepa</i>	Menghilang bengkak dan rasa loya	Bawang dan beras digiling bersama dan disapu bahagian yang bengkak. Bawang sahaja ditumbuk, dicampur air lalu diminum untuk hilangkan rasa loya.
45.	Petawali	<i>Tinospora tuberculata</i>	Kencing manis dan darah tinggi	Akarnya direbus dan airnya diminum. Dimakan hingga sembuh. <i>Nota:</i> Juga dikenali sebagai pokok seruntuh. Juga dipercayai halang dari digigit nyamuk jika ia selalu dimamah.
46.	Mempelam	<i>Mangifera odorata</i>	Minum tonik	Kulit pokok digiling, direbus dan airnya diminum.
47.	Halia	<i>Zingiber officinale</i>	Hilangkan rasa sakit perut	Rizom halia direbus dan airnya diminum.
48.	Celaka	<i>Plumbago zeylanica</i>	Menjarangkan atau menggugurkan anak	Daun, akar direbus dan minum. Daun dibuat ulam/sayur.
49.	Misai kucing	<i>Cucumis sativus</i>	Kencing manis	Daun, bunga, akar, batang, direbus dan diminum.
50.	Butang baju (merah & hijau)	—	Sakit-sakit batang sakit perempuan	Semua bahagian direbus dan diminum.
51.	Saidina Ali	—	Lemah tenaga batin	Akar direbus dan diminum.
52.	Serentung	—	Penyakit resdung	Asas akar disedut atau rebus akar minum.
53.	Serapat	<i>Hippocrates indica</i>	Menyempitkan alat kelamin perempuan	Kulit direbus bersama dengan bunga dan akar semalu minum.
54.	Guni tanah	—	Menghentikan darah haid	Daun, kunyit dan beras ditumbuk dan diminum, airnya selama 3 pagi.

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Nama Tempat	Nama Sains	Kegunaan	Cara Menggunakannya
55.	Kacip Fatimah	<i>Labisia pumila</i>	Menyempitkan alat kelamin perempuan	Keseluruhan pokok direbus dan minum airnya.
56.	Dukung anak	<i>Phyllanthus niruri</i>	Penawar racun dan kesuburan	Keseluruhan pokok direbus minum airnya.
57.	Jarum emas	—	Penyakit perempuan	Keseluruhan pokok direbus dan minum airnya.

pandan diletakkan di bawah rumah semasa hendak bersalin untuk menghindari dari hantu syaitan menghisap darah ibu yang hendak bersalin.

Ada juga tumbuhan yang dikatakan boleh mendatangkan bencana bagi mereka yang menggunakannya. Di kalangan masyarakat Sunda, pokok yang mempunyai onak dan duri didahannya dipercayai tidak boleh digunakan untuk membina rumah. Mereka percaya mereka yang hidup dalam rumah yang dibuat dari tumbuhan jenis ini akan sentiasa menghadapi bahaya dan kecelakaan. Rumah yang dibina dari pokok yang sudah tumbang atau daun-daun pokok tersebut sudah gugur sebelum ditebang, penghuninya akan meninggal atau tidak akan tinggal lama dalam rumah tersebut. Kayu dari rumah yang pernah terbakar tidak boleh digunakan lagi untuk membuat rumah kerana dipercayai boleh menyebabkan rumah yang bakal dibina terbakar, juga dengan menggunakan kayu dari pokok yang tumbang ditiup angin, dipercayai rumah itu juga akan tumbang ditiup angin (Frazer 1913).

Ada juga masyarakat yang mengklasifikasikan tumbuhan mengikut ciri-ciri tumbuhan dan mod penggunaannya. Tumbuhan parasit dan yang mempunyai ciri-ciri seperti senang melekat dan cantik digunakan untuk ubat pengasih. Tumbuhan menjalar digunakan dalam upacara magikal terutama sekali untuk memagari kebun dan harta benda lain dan dalam keadaan tertentu juga digunakan sebagai ubat pengasih dengan mengikat akar tersebut sekeliling pinggan. Selain dari itu, tumbuhan juga dikelaskan mengikut mod penyediaan dan kegunaan. Misalnya tumbuhan ubatan, mod penggunaannya terdiri dari lomor, makan, mandi, tangkal, azimat, minum dan tepung tawar. Tepung tawar dibuat dari beras yang direndam dalam air untuk beberapa hari, kemudian ditumbuk dan dicampur dengan air serta dijumpi oleh bomoh digunakan untuk menawarkan penyakit. Air sirih iaitu campuran kapur, pinang, gambir dan sirih disembur sekeliling pesakit atau kadangkala dibuat pangkah

didahi bagi menghalau hantu. Hantu dipercayai oleh orang Melayu takut kepada air sirih kerana air sirih adalah panas.

PENUTUP

Dari perspektif antropologi, pemilihan tumbuhan baik untuk tujuan pemakanan mahupun perubatan adalah berasaskan kepada teori sebab musabab penyakit dan teori magis. Kepercayaan tentang sebab musabab penyakit dan magis telah mempengaruhi masyarakat dalam memilih, mengguna dan mengelaskan tumbuhan. Pemilihan tumbuhan untuk tujuan pemakanan atau perubatan dipengaruhi oleh kepercayaan bahawa tumbuhan yang dimakan boleh mempengaruhi keseimbangan unsur sejuk dengan panas dan lembap dengan kering dalam tubuh. Oleh itu wujudnya pantang larang berkaitan dengan penggunaan tumbuhan tertentu. Manakala kepercayaan magis pula mempengaruhi manusia dalam memilih tumbuhan terutama untuk tujuan perubatan. Tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan organ dalam tubuh dipercayai boleh digunakan untuk mengubati penyakit yang berkaitan dengan organ tersebut. Teori humoral patologi dan magis telah sedikit sebanyak mempengaruhi pengkelasan tumbuhan. Ada tumbuhan yang dikelaskan kepada sejuk dan panas, tumbuhan super-budaya, tumbuhan makanan utama dan sampingan. Tumbuhan juga dikelaskan mengikut kepercayaan magis yang diasaskan kepada matlamat praktikal iaitu produktif, perlindungan, destruktif, kesuburan, kekuatan, ketegasan dan kejahatan.

NOTA

1. Meikut law of similarity, bomoh boleh mengeluarkan apa-apa penyakit yang dikehendaki dengan menggunakan tumbuhan yang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan organ atau cecair dalam tubuh yang sakit.
2. Mengikut contagious magis yang umum dipanggil exuvial magis kerana ia melibatkan penggunaan exuviae manusia seperti rambut, gigi, kuku, dan tahi. Walaupun exuvial magis terhad kepada organic material, tetapi bahan inorganic juga penting (seperti baju, gambar, dan bahan milik peribadi yang lain pernah disentuh oleh seseorang juga boleh digunakan untuk destruktif atau pencegahan. Dengan membakar rambut atau kuku seseorang, orang tersebut boleh jatuh sakit. Perasaan takut kepada magis jenis ini telah menyebabkan kebanyakan orang melayu takut untuk membuang barang-barang milik peribadi di merata tempat, menjemur baju di luar rumah atau menanam tumbuhan ditempat terbuka.
3. Tumbuhan merupakan sumber makanan yang penting dikalangan kebanyakan penduduk dunia. Ia membekalkan protein, serat karbohidrat, berbagai jenis vitamin dan unsur galian.

Lampiran 1 Tumbuhan racun di kalangan orang melayu (Gimlette, 1981)

1. Akar batu pelir kambing (*Sarcolobus globosus* Wall. – Asclepiaceae). Digunakan oleh pencuri untuk membunuh anjing penjaga rumah.
2. Bulu duri (*Bambusa spinosa* Bl. – Gramineae), Buluh minyak (*Oxytenanthera sinuata* Gambale). Miang buluh digunakan sebagai campuran racun.
3. Bebuta (*Excoecaria agallocha* Linn. – Euphobiaceae) Bahagian beracun adalah getah dan kulit.
4. Akar klapayang (*Hodgsonia capniocarpa* Ridl. – Cucurbitaceae)
5. Beredin Palm (*Caryota mitis* Lour. – Palmae)
6. Chengkian (*Croton tiglium* Linn. – Euphorbiaceae)
7. Ibul Palm (*Orania macrocladus* Mart – Palmae)
8. Jelatang Gajah (*Laportea stimulan* – Urticaceae)
9. Jelatang Rusa (*Cnesmone javanica* Miq. – Euphorbiaceae)
10. Rengas (Gluta –
11. Kacang Bulu Rimau (*Mucuna gigantea* D.C. – Leguminosae)
12. Keladi Birah Hitam
13. Keladi Chandek (*Alocasia denudata* Engl. – Araceae)
14. Likir (*Amorphophallus prainii* Hook. – Araceae)
15. Langkap Palm (*Arenga westerhouti* Griff. – Palmae)
16. Merbau Air (*Azelia retusa* – Leguminosae)
17. Pedandang Gagak (*Trichosanthes wallichii*)
18. Rengut (*Raphidophora giganteum* Schott – Araceae)
19. Tangis Sarang Burung (*Heynea trijuga* Roxb. Meliaceae)
20. Ipoh (*Antiaris toxicaria* Bl. Urticaceae)

Lampiran 2 Tumbuhan liar yang digunakan sebagai sayuran oleh orang Melayu

1. Balek adap (Famili Rubiaceae)
2. Bayam ngang (Famili Compositae)
3. Bayam peraksi (Famili Compositae)
4. Benang setukar (*Decospermum frutescens*, Famili Myrtaceae)
5. Buah kerdas (*Pithecellobium microcarpum*)
6. Deber lembu (Famili Compositae)

7. Gajah nangis (*Saraca* sp. Fam. Leguminosae)
8. Gelam tikus (*Eugenia* sp.)
9. Gucil (*Antidesma ghaesembilla* ; Famili Euphorbiaceae)
10. Jenerih (*Connarus ellipticus*)
11. Kayu kelat (*Eugenia* sp. Myrtaceae)
12. Keladi agas (*Monochoria vaginalis*; Famili Pontederiacerae)
13. Kerkoh batu (*Myrica esculenta* Fam. Myricaceae).
14. Kulat telinga tikus (*Auricularia auriculae* – Judae)
15. Kulat batu (*Lentinus sajor-caju*).
16. Lampin budak (*Clerodendron* sp. Fam. Verbenaceae).
17. Leban (*Vitex pubescens* Fam. Verbenaceae)
18. Sulor Pia (*Acrostichum aureum*)
19. Paku Piah (*Cycas rumphii*. Fam Cycadaceae).
20. Pinan keroh (*Cnestis palala* Fam. Connaraceae).
21. Midin (*Stenochlaena palustris*)
22. Mata ayam (*Ardisia crispa*)
23. Putats (*Barringtonia* sp. Fam. Lecythidaceae)
24. Maman –
25. Serai kayu –
26. Serian (*Cissus* sp. Fam. Vitaceae)
27. Sisik kayu (*Carallia*)
28. Tudung periok –
29. Ulat bulu (*Passiflora foetida*)
30. Nibong (umbut) (*Oncosperma tigillaria*)
31. Bayas (*Oncosperma horrida*)
32. Palas (*Licuala*)
33. Pinang (*Areca*)
34. Setol (*Sandoricum indicum*)
35. Setial (*Sandoricum* sp.)
36. Kandis (*Garcina* sp.)
37. Penai (*Ardisia littoralis*)
38. Rumugai –

RUJUKAN

- Burghart, R. 1990. The cultural context of diet, disease and the body. Dlm *Diet and disease in traditional and developing societies*, G.A. Harrison & J.C. Waterlow (ed). 30th symposium volume of the society for the study of human biology. Cambridge. Cambridge University Press.
- Chang, K.C.(ed). 1977. *Food in Chinese Culture: Anthropological and historical perspectives*. New Haven dan London. Yale Universiti Press.
- Camazine, S. 1986. Zuni indian Medicine: Folklore or Pharmacology, Science or Sorcery. Dlm. *Folk Medicine: The Art and the Science*. R.P. Steiner (ed). Washington DC. American Chemical Society.
- Chua Sui Sen. 1991 Kepercayaan tradisi dan magis masyarakat Murut Pensiangan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Evans-Pritchard, E.E. 1976. *Witchcraft oracles & magic among the Azande*. Oxford: Clarendon Press.
- Frazer, J.G. 1913. *The Golden Bough*, part II, Yaboo & the evils of the soul. The Macmillan Press Ltd.
- Firth, R. 1958. *Human types; An introduction to social anthropology*. New York: A mentor book.
- Gimlette, J.D. 1981. *Malay Poisons & Charm Cures*. Oxford University Press. Kuala Lumpur (New Edition)
- Kamilah Noor. 1986. Studies on Traditional Malay Vegetable (Ulam) in West Malaysia. Tesis B.A. Hons. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laderman, C. 1983. *Wives and midwives: childbirth and nutrition in rural Malaysia*. Berkeley: Universiti of California Press.
- Lee, R.B. 1968. What Hunters Do For A Living. In: *Man The Hunter* (Lee & DeVore, eds.). Aldine Publishing House Chicago
- Manderson, L. 1981. Humoral medical theory and traditional food classification in Peninsular Malaysia. *Ecology of Food and Nutrition*. II.
- Sofowora, A., 1982, *Medicinal plants and traditional medicine in Africa*. Chichester. John Wiley & Sons Limited.
- Soepadmo, E. 1983. *Forest and man: An Ecological Appraisal*. Kuala Lumpur: University of Malaya.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E.

Jabatan Botani,
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E